

1249/2
SEJARAH / P
Kertas 2
September 2011
2 ½ JAM

SEJARAH
Tingkatan 5
Kertas 2
Dua Jam Tiga Puluh Minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU.

1. Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian : **Bahagian A** dan **Bahagian B**
2. Jawab semua soalan dalam **Bahagian A** dan tiga soalan dalam **Bahagian B**.
3. Jawapan **Bahagian A** hendaklah ditulis di dalam ruang yang disediakan dalam kertas soalan
4. Jawapan **Bahagian B** hendaklah ditulis pada kertas jawapan berasingan yang disediakan.
5. Kertas soalan ini hendaklah diikat dan dihantar bersama kertas jawapan **Bahagian B**.

| <i>Untuk Kegunaan Pemeriksa</i> | | |
|---------------------------------|--------|--------|
| Bahagian | Soalan | Markah |
| A | 1 | |
| | 2 | |
| | 3 | |
| | 4 | |
| B | 5 | |
| | 6 | |
| | 7 | |
| | 8 | |
| | 9 | |
| Jumlah | | |

Kertas soalan ini mengandungi 6 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak

Bahagian A
[40 markah]
Jawab Semua Soalan.

1. **Kerajaan Bani Abbasiyah telah terbentuk pada tahun 750 Masihi. Zaman kegemilangan kerajaan ini adalah pada abad ke-9 Masihi.**

(a) **Siapakah pemerintah pada zaman kegemilangan Kerajaan Bani Abbasiyah?**

(i).....

(ii).....

[2 markah]

(b). **Apakah peranan kota Baghdad sebagai pusat perkembangan ilmu.**

(i).....

(ii).....

[2 markah]

(c) **Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, mengapakah kerajaan ini berjaya muncul sebagai pusat intelektual di dunia?**

(i).....

(ii).....

(iii).....

[3 markah]

(d) **Pada pandangan anda,, bagaimanakah Malaysia boleh menjadi pusat kecermerlangan ilmu di persada dunia?**

(i).....

(ii).....

(iii).....

[3 markah]

2. Kedatangan Islam ke Tanah Melayu telah meninggalkan kesan terhadap sistem hidup orang Melayu secara keseluruhannya.

(a) Nyatakan pengaruh Islam dalam pelantikan dan pertabalan raja.

(i).....

(ii).....

[2 markah]

(b) Bagaimanakah pengaruh Islam dapat menjamin kesejahteraan hidup bermasyarakat?

(i).....

(ii).....

(iii).....

[3 markah]

(c) Berikan dua majlis yang diadakan oleh masyarakat Melayu mengikut Islam.

(i).....

(ii).....

[2 markah]

(d) Pada pandangan anda, apakah usaha yang boleh dilakukan supaya nilai hidup yang dibawa oleh Islam ini terus diamalkan dalam kalangan masyarakat di Malaysia?

(i).....

(ii).....

(iii).....

[3 markah]

3. (a) Senaraikan dua tokoh yang mengasaskan Gerakan Islam.

(i)

(ii).....

[2 markah]

(b) Jelaskan perjuangan Gerakan Islam.

(i).....

(ii).....

(iii).....

[3 markah]

(c) Nyatakan cabaran yang dihadapi oleh gerakan ini.

(i).....

(ii).....

[2 markah]

(d) Sebagai seorang pemimpin persatuan di sekolah, bagaimanakah anda menangani setiap cabaran yang dihadapi?

(i).....

(ii).....

(iii).....

[3 markah]

4. (a) Apakah faktor yang mendorong British memperkenalkan Persekutuan Tanah Melayu 1948?

(i).....

(ii).....

(iii).....

[3 markah]

(b) Nyatakan dua tuntutan orang Melayu dalam mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Menggubal Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.

(i).....

(ii).....

[2markah]

- (c) Berikan dua prinsip yang dicadangkan oleh orang Melayu dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.

(i)

(ii)

[2 markah]

- (d) Sebagai warganegara Malaysia, mengapakah kita mesti mengamalkan sikap bertoleransi dalam kehidupan seharian?

(i).....

(ii).....

(iii).....

[3 markah]

Bahagian B

[60 markah]

Jawab tiga soalan sahaja.

5. (a) Jelaskan sistem pemerintahan dan pentadbiran di Yunani sebelum sistem demokrasi diamalkan? [6 markah]
- (b) Bagaimanakah amalan demokrasi di Yunani? [8 markah]
- (c) Pada pengetahuan sejarah anda, apakah kebaikan sistem pemerintahan demokrasi? [6 markah]
6. Pentadbiran British di Tanah Melayu telah memperkenalkan beberapa perubahan berkaitan undang-undang tanah.
- (a) Jelaskan dasar British berhubung dengan sistem pemilikan dan penggunaan tanah di Tanah Melayu. [8 markah]
- (b) Mengapakah British memperkenalkan Enakmen Tanah Padi 1917 terhadap pekebun kecil Melayu? [6 markah]
- (c) Pada pengetahuan sejarah anda, apakah kesan dasar kerajaan British terhadap orang Melayu? [6 markah]

7. (a) Jelaskan ciri-ciri nasionalisme pada tahap kedua. [6 markah]
- (b) Tuliskan rencana berkaitan perjuangan tokoh-tokoh berikut dalam gerakan Nasionalisme di negara masing-masing.
(i) Jose Rizal [4 markah]
(ii) Raden Adjeng Kartini [4 markah]
- (c) Sebagai warganegara, apakah usaha yang perlu anda lakukan bagi menghadapi cabaran yang mendarat bagi mengekalkan Malaysia sebagai negara yang berdaulat?
8. (a) Jelaskan faktor yang membawa kepada pembentukan Malaysia. [8 markah]
- (b) Bagaimanakah reaksi negara Indonesia terhadap pembentukan Malaysia? [7 markah]
- (c) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, mengapakah cabaran semasa pembentukan Malaysia berjaya diatasi? [5 markah]
9. (a) Nyatakan peranan Malaysia dalam menyelesaikan beberapa konflik dan masalah di peringkat antarabangsa. [8 markah]
- (b) Apakah manfaat yang diperoleh Malaysia sebagai anggota beberapa pertubuhan antarabangsa. [6 markah]
- (c) Pada pandangan anda, mengapakah hubungan luar penting bagi sesebuah negara? [6 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT